


KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2022

URUSAN PENYAKSIAN INSTRUMEN URUSNIAGA DI LUAR PEJABAT

Arahan ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan bahawa Mesyuarat Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan Kali Ke 1 Bilangan 1/2022 yang telah diadakan pada 21 Julai 2022 telah bersetuju membenarkan Urusan Penyaksian Instrumen Urusniaga di Luar Pejabat bertujuan memberi kemudahan kepada rakyat. Sehubungan dengan itu, dalam menjalankan urusan ini, Pentadbir-pentadbir Tanah hendaklah memastikan pematuhan kepada Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 3/2017 berkenaan Akuan Berkanun Pindahmilik dan Gadaian Hakmilik Tanah dan Arahan Khas Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2013 berkenaan dengan Pelaksanaan *Secured Land Management System* (SELAMAT) sewajarnya.

2. Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 5/1981 adalah dengan ini dibatalkan.
3. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, *D.P.S.K (Kelantan), K.M.N*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**FAIL : PTG.KN. 32/69 Jld. 5
BERTARIKH : 18 Jamadil Akhir 1444H
13 Disember 2022.**